



## Pameran Pengajian Siswazah UPM Promosi Pendidikan Lanjutan



*Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris merasmikan Pameran Pengajian Siswazah UPM.*

**SERDANG, 12 Mac** – Program Pameran Pengajian Siswazah UPM pada 11 hingga 13 Mac baru-baru ini telah memberi maklumat kepada pengunjung tentang program siswazah peringkat Master dan PhD yang ditawarkan.

Pameran yang bertemakan 'Continuing The Pursuit of Academic Excellence' itu turut memberi maklumat kemudahan yang disediakan UPM untuk pelajar.

Yuran proses percuma sebanyak RM60 bagi pemohon tempatan dan USD60 bagi pemohon daripada luar negara merupakan tarikan kepada pengunjung yang hadir ke pameran tersebut.

Sebanyak 38 buah gerai pameran dari fakulti, institut, Sekolah Pengajian Siswazah, Pusat Pendidikan Luar dan agensi luar daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi turut serta.

Seramai 1,000 pengunjung yang terdiri daripada warga UPM (pelajar tahun akhir dan staf), kakitangan awam dan swasta dan lepasan Sarjana Muda hadir ke pameran yang berlangsung selama 3 hari itu.



Pameran bertujuan meningkatkan jumlah pelajar siswazah UPM kepada 13 ribu pelajar menjelang 2015.

Bagi Semester Kedua 2009/2010 ini, bilangan pelajar baharu siswazah yang telah

mendaftar di UPM ialah seramai 1258 orang dari jumlah tersebut, 955 orang merupakan pelajar Master manakala 303 orang adalah pelajar PhD.

Bilangan pelajar baharu antarabangsa pula ialah seramai 319 orang yang terdiri dari negara seperti Iran, Yemen, Indonesia, Jordan, Sudan, Nigeria, Libya, China dan lain-lain.

Salah seorang pengunjung, Marzieh Alipour dari Iran berminat untuk menyambung pelajarannya ke peringkat Master di sini selepas melayari laman web UPM.

Mohammad Reza Khojasteh dari Pakistan pula merupakan pelajar luar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat Master dalam bidang Kejuruteraan Awam menyifatkan UPM universiti yang menarik kerana menyediakan kemudahan yang memuaskan terhadap pelajar luar negara.



*Timbalan Naib Canselor (Jaringan dan Industri) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew (dua dari kanan), Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Prof. Dr. Hasanah Mohd Ghazali (tiga dari kanan) bersama Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris meninjau sekitar pendaftaran online pelajar.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor 03-89466011).**